

17 FEB 2000

Mahathir-Sekatan

SEKATAN AMERIKA KE ATAS SYARIKAT MINYAK DI SUDAN TINDAKAN UNILATERAL

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata langkah Amerika Syarikat mengenakan sekatan ke atas operasi sebuah syarikat minyak di Sudan adalah tindakan unilateral dan tidak menyekat Malaysia daripada melabur di dalam sektor petroleum di luar negara.

Syarikat-syarikat Malaysia berhak beroperasi di mana-mana sahaja, kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas samada tindakan itu akan menjejaskan kedudukan Petronas yang mempunyai ekuiti di dalam projek carigali minyak yang sama di negara itu.

Amerika Syarikat dilaporkan mungkin mengenakan sekatan dagangan terhadap China National Petroleum Corp. (CNPC) yang menjalankan projek carigali minyak melalui sebuah konsortium, Greater Nile Operating Co., yang turut disertai oleh Petronas.

Sekatan tersebut adalah lanjutan daripada sekatan dagangan pada 1997 yang dikenakan terhadap mana-mana syarikat AS yang bekerjasama dengan Sudan kerana membantah perang saudara di negara itu.

Petronas memegang kepentingan 30 peratus di dalam konsortium itu manakala CNPC menguasai 40 peratus ekuiti, State Petroleum Corporation (anak syarikat Arakis Energy dari Kanada) 25 peratus dan baki lima peratus oleh Sudapet Ltd dari Sudan.

Konsortium ini terlibat dalam projek pembangunan minyak Lembangan Muglad di negara itu.

Dr Mahathir, bagaimanapun, tidak menolak kemungkinan tindakan AS itu boleh menjejaskan operasi Petronas.

"Apa kita boleh buat. Mereka ada kuasa. Kita tidak ada kuasa langsung," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Dr Mahathir berkata sebarang tindakan oleh AS akan menjejaskan industri minyak kerana semasa dunia memerlukan minyak yang banyak ketika ini, sekatan hanya akan meningkatkan harga dan mengurangkan bekalan.

Mengenai dakwaan pemberian rasuah oleh Mitsui & Co Ltd kepada Telekom Malaysia bagi mendapatkan kontrak syarikat utiliti tersebut, Perdana Menteri berkata Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan menyiasat perkara ini.

"Kita hendak tahu juga siapa yang dapat duit sebanyak 300 juta yen itu" kata Dr Mahathir.

Mitsui didakwa memberikan sogokan bagi mendapat kontrak pembekalan papan kekunci kepada Telekom Malaysia pada 1996. -- BERNAMA

SHO MFJ